

Pusat pemindahan banjir dibuka

Semua agensi berkaitan giat buat persediaan bermula semalam hadapi fenomena air pasang besar

KUALA SELANGOR – Semua agensi berkaitan diarahkan bersiap sedia bagi berdepan kemungkinan musibah banjir disebabkan fenomena air pasang besar yang melanda perairan daerah ini bermula hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor menjelaskan, persediaan penting bagi mengelakkan banjir melanda di kawasan penempatan berhampiran pantai.

Menurutnya, semua agensi termasuk bomba, polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) diarahkan bersedia bermula semalam.


“Lapan pusat pemindahan juga diletakkan dalam keadaan bersedia seperti bulan lepas iaitu Masjid An Naim Tambak Jawa, Surau Hamidiah Sungai



SHAMSUL SHAHRIL BADLIZA

Sembilang, Dewan Orang Ramai Jeram, Dewan Orang Ramai Sungai Buloh. Satu pusat penempatan dibuka bagi mukim Api-Api iaitu Dewan Orang Ramai Kampung Assam Jawa dan bagi mukim Ujong Permatang, pusat pemindahan dibuka di SJKC Khai Tee Pasir Penambang dan Masjid At Taqwa Sungai Yu.

“Manakala, mukim Tanjong Karang di Kompleks Baru Persatuan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Kajang



Guni pasir diletakkan di sepanjang kawasan pantai bagi elak berlaku limpahan air laut masuk ke rumah penduduk.

dan notis pemakluman kepada penduduk pesisir pantai dikeluarkan pada 11 November lalu,” katanya.

Shamsul Shahril Badliza yang juga Pegawai Daerah Kuala Selangor berkata, Bilik Gerakan Bencana Daerah Kuala Selangor mula beroperasi mulai jam 2 petang

sejak semalam.

“Difahamkan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga melaksanakan 90 peratus kerja-kerja membina dan membaiki ban di kawasan berisiko berhampiran kawasan pantai. JPS juga sedang melaksanakan kerja-kerja mengorek parit di daerah ini se-

dak terlalu tinggi sehingga melepasi ban.

“Memang penduduk maklum sebab setiap bulan memang akan ada air pasang besar dan bulan ni dijangka setinggi 5.6 meter, penduduk harap air laut tak naik tinggi sampai melimpah. Harap-harap tak ada apa-apa dan penduduk pun ada ‘standby’ dekat ban untuk tinjau air naik tinggi atau tidak,” katanya.

Sebelum ini, penduduk di beberapa kawasan berisiko seperti Sungai Janggut, Pantai Remis, Pasir Penambang, Sungai Yu dan Kampung Lembah Pantai Sungai Kajang mengambil inisiatif sendiri membina ban untuk mengelak air laut melimpah.

Gotong-royong membina ban dengan menggunakan guni pasir dijalankan di sepanjang ban berisiko dan sumbangan wakil rakyat membantu meringankan beban mereka.

bagai persiapan menghadapi kemungkinan banjir dan berharap penduduk sentiasa bersedia,” katanya.

Sementara itu, penduduk Sungai Yu, Mohd Herwan Mohamed Said berkata, pihaknya berharap fenomena air pasang pada bulan ini yang dijangka setinggi 5.6 meter ti-